

**Najib harap PM Singapura selamat jalani pembedahan**  
**The Malaysian Insider**  
**Feb 15, 2015**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menzahirkan harapan semoga rakan sejawatannya dari Singapura Lee Hsien Loong menjalani pembedahan yang berjaya dan segera sembuh.

"Semoga sahabat baik saya PM Lee Hsien Loong menjalani pembedahan yang berjaya dan sembuh sepenuhnya dengan segera," kata Najib dalam catatan terbarunya dalam laman Facebook dan Twitternya.

Kenyataan dari Pejabat Perdana Menteri Singapura hari ini menyatakan Lee didiagnosis menghidap kanser prostat dan akan menjalani pembedahan esok bagi membuang kelenjar prostat.

Rawatan 'keyhole' prostatektomi akan dilakukan oleh Prof Christopher Cheng, pakar urologi terkemuka di Hospital Besar Singapura (SGH). – Bernama, 15 Februari, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-harap-pm-singapura-jalani-pembedahan-yang-berjaya>